

SULIT



**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015
ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015

1103/2 (PP)

Bahasa Melayu

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan

Ogos

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah dan Majlis Guru Cemerlang Negeri Perlis. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah

Soalan 1

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) Bahasa - **10** markah

- (a) **Isi** [20 markah]

Nota

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.
 (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
 (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv)Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan	Markah
Petikan membincangkan usaha/cara/kaedah/strategi/tindakan mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat dalam kalangan anak di negara ini/di Malaysia.	2
Petikan membincangkan usaha/cara/kaedah/strategi/tindakan mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat dalam kalangan anak.	1
Petikan membincangkan usaha/cara/kaedah/strategi/tindakan mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat dalam kalangan anak dan sebab-sebab anak memilih makanan segera.	2
Rumusan ini membincangkan usaha/cara/kaedah/strategi/tindakan mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat dalam kalangan anak dan kepentingannya.	2
Isi Tersurat (Langkah-langkah mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat)	
1. Ibu bapa bertanggungjawab untuk menyediakan pilihan makanan berkhasiat dalam hidangan makanan utama	2
2. Ibu bapa perlu menentukan jenis makanan, tempat dan waktu makan untuk anak-anak mereka	2
3. Anak pula perlu bertanggungjawab untuk memilih kuantiti makanan yang perlu dimakan	2
4. Ibu bapa wajar mengamalkan tabiat pemakanan yang sihat supaya dapat diteladani oleh anak-anak	2
5. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Kempen Gaya Hidup Sihat menggalakkan masyarakat mengambil makanan mengikut piramid makanan dalam menu harian	2
6. Ibu bapa juga digalakkan untuk makan bersama-sama anak dalam tempoh yang kerap	2
7. Jika mampu, anak boleh dibawa berjumpa pakar pemakanan atau hadir ke pusat kesihatan supaya pemeriksaan kesihatan dilakukan dan khidmat nasihat yang sewajarnya diperolehi	2
8. Didikan tentang kepentingan penjagaan aspek pemakanan berdasarkan konsep bersih dan berkualiti	2
9. Pemilihan makanan yang tepat turut membantu seisi keluarga memiliki badan yang sihat	2
Isi Tersirat (Kepentingannya)	
1. Pembesaran anak-anak sempurna dari aspek fizikal	2
2. Membentuk vitamin yang cukup kepada badan	2
3. Mampu mengawal kadar obesiti/kegemukan	2

4. Perkembangan mental anak-anak tidak terganggu 2
 5. Mengurangkan risiko penyakit berbahaya 2

Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak/ibu bapa haruslah berusaha mengamalkan pemakanan yang sihat dalam kalangan anak supaya melahirkan generasi yang sihat dan sejahtera. 2

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	09 - 10 07 - 09	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas -Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 08 -11	06 - 07 04 - 06	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan -Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	01 - 07	01 - 04	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
 (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
 (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
 (iv) Jika rumusan kurang **120** perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah Bahasa, **Maksimum: 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/semurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/ kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum(i) Maksud rangkai kata *cukup mengujakan* :

- amat/sangat memberangsangkan/menggalakkan 2
- cukup memberangsangkan/menggalakkan 1
- amat/sangat mengujakan 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) sebab-sebab anak-anak cenderung memilih makanan segera :

- makanan ringan sangat mudah diperoleh di merata-rata tempat 1
- premis perniagaan yang menjual makanan segera banyak dibuka di hadapan pintu pagar sekolah 1
- makanan ringan ini manis, berwarna-warni dan mempunyai pek pembungkus yang menarik 1
- bungkusan makanan ini dimuatkan dengan hadiah mainan kecil yang cukup mengujakan 1

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Kekangan masyarakat :

- kekangan masa/sibuk berkerjaya 1
- terpengaruh dengan iklan makanan segera/media massa banyak menyiarkan iklan makanan segera 1
- kurang kesedaran dalam diri masyarakat/kurang ilmu pemakanan yang sihat 1
- masyarakat tidak mengambil endah/tahu tentang kempen tabiat pemakanan yang sihat 1
- sikap masyarakat yang menganggap makanan segera lebih sedap/mewah 1

[Maksimum : 4 markah]**Hukum 1 :****3 isi tanpa huraian = 4 markah****Hukum 2 :****Isi dan huraian = 2 markah****{Maksimum = 2 isi}**

Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen

- (i) Perubahan emosi yang berlaku kepada Mellisa
- perasaannya tergugah/terkejut
 - mukanya merah padam
 - perasaannya gementar/gugup

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Tindakan yang perlu dilakukan untuk mengekalkan hubungan persahabatan
- sentiasa membantu rakan ketika menghadapi kesulitan/membantu ketika susah
 - sentiasa bertanya khabar/menelefon/menghubungi rakan
 - sentiasa mendoakan kesejahteraan
 - memberi hadiah atas kejayaan/hari jadi
 - sentiasa bersedia untuk mendengar masalah/perasaan

[Maksimum : 3 markah]

- i) Nilai berdasarkan petikan :

- setia kawan
Contoh: Mellisa menghargai persahabatannya dengan Hisyam
- tolong-menolong / bantu-membantu
Contoh: Syahid menolong menyiarkan makalah yang dihasilkan oleh Farid
- keyakinan
Contoh: Mellisa yakin tentang anggapannya terhadap Syahid
- kerajinan/kegigihan
Contoh: Syahid rajin menghasilkan rencana untuk disiarkan dalam akhbar.

[Maksimum : 2 markah]

Nilai dalam keseluruhan cerpen :

- kasih sayang
Contoh: Mellisa menyayangi Hisyam dan berjanji untuk mendirikan rumah tangga apabila besar nanti.
- kesabaran
Contoh: Mellisa sabar menyiapkan tesisnya tentang peristiwa 13 Mei 1969.
- kesetiaan
Contoh: Mellisa setia terhadap Hisyam walaupun Hisyam telah meninggal dunia.
- patriotisme / cinta akan negara
Contoh: Mellisa sanggup berkorban untuk bangsa dan negara dengan akhirnya menyertai angkatan tentera.
- keberanian
Contoh: Pada zaman kanak-kanak, Hisyam berani melindungi Mellisa daripada diganggu oleh seorang anak lelaki Inggeris.
- perpaduan
Contoh: Peristiwa 13 Mei berlaku akibat tiadanya perpaduan antara masyarakat.

[Maksimum : 2 markah]

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud rangkai kata *seperti hadamat bunyinya*

- bunyi yang terlalu bising/riuh-rendah

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Reaksi baginda ketika masuk ke Negeri Johor

- baginda mudik lalu ke Pangkalan Rama/belayar ke Pangkalan Rama
- melompat naik ke atas jambatan
- memegang pedang kerajaan yang bernama Sepurejab

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Persediaan untuk menghadapi musuh

- mengkaji kelemahan musuh
- membuat perancangan yang berkesan/dengan teliti/merancang strategi
- melatih askar dari segi fizikal dan mental
- menyediakan senjata yang lengkap/canggih

[Maksimum : 3 markah]

Soalan 2 (d) : Gurindam

(i) Maksud rangkap ketujuh gurindam :

- tindakan/perbuatan/gerak-geri pemimpin menjadi contoh/teladan/ikutan 1
- sikap/tingkah laku pemimpin yang baik perlu diikuti dan buruk perlu dijauhi 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Kepentingan sikap berjimat cermat dalam kalangan masyarakat :

- mengelakkan pembaziran 1
- memastikan barangan yang dibeli mengikut keperluan 1
- wang disimpan/ditabung untuk kegunaan masa depan 1
- wang dapat digunakan ketika kecemasan/ditimpa musibah 1
- wang dapat digunakan untuk pendidikan anak-anak 1
- menjimatkan sumber bahan mentah/bahan api 1

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Dua pengajaran :

- Kita hendaklah menghargai masa agar pekerjaan yang dilakukan menjadi sempurna. Contohnya, setiap pekerjaan perlu dilakukan dengan segera. 1 + 1
- Kita haruslah bijak dalam membuat keputusan supaya tindakan yang diambil tidak terburu-buru. Setiap masyarakat wajar bertindak secara bijak dalam kehidupan. 1 + 1
- Kita perlulah berjimat cermat untuk mengelakkan pembaziran. Contohnya, sikap membazir merupakan amalan yang tidak baik. 1 + 1
- Kita hendaklah bersabar dalam melakukan sesuatu pekerjaan agar fikiran menjadi tenang. Contohnya, perkara yang susah menjadi senang apabila kita bersabar. 1 + 1

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi Soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah .

Jawapan 3(a)

- | | | | |
|-------|------------------|---|---|
| (i) | <i>hemah</i> | - | budi pekerti yang mulia |
| | <i>hemat</i> | - | tidak boros atau membazir (dalam membelanjakan wang atau menggunakan sesuatu), cermat, jimat |
| | | - | dengan penuh perhatian, dengan teliti, berhati-hati, beringat-ingat, berjaga-jaga |
| | | - | pemerhatian, pengamatan |
| (ii) | <i>rasmī</i> | - | disahkan oleh kerajaan atau yang berkuasa, (yang) diisytiharkan (ditentukan, disahkan) oleh kerajaan atau jabatan dan lain-lain |
| | <i>resmi</i> | - | sifat semula jadi, sifat khas (benda, adat, perangai, tabiat) |
| | | - | resam |
| (iii) | <i>inspirasi</i> | - | ilham atau bisikan hati |
| | <i>aspirasi</i> | - | keinginan yang kuat (untuk mencapai atau mengadakan sesuatu) |
| | | - | cita-cita |

[Maksimum : 6 markah]

3 (b)

- (i) Mangsa gempa bumi di Sabah telah berjaya dibawa turun oleh pihak Bomba dan Penyelamat.
 (ii) Selepas waktu rehat perlu kami dengar ceramah motivasi itu.

@

Ceramah motivasi itu perlu kami dengar selepas waktu rehat.

- (iii) Pingat emas dalam acara boling telah berjaya dirangkul oleh atlet Sukan SEA itu.

3(c)

	Kesalahan Ejaan		Kesalahan Imbuan	
i	insuran	insurans	pelindungan	perlindungan
ii	beranika	beraneka	memperdalam	memperdalam / mendalami
iii	peri laku	perilaku	dijadikan	menjadikan

[Maksimum : 6 markah]

3(d)

	Kesalahan bahasa		Kesalahan Istilah/kata	
i	Sejak dari	Sejak / Dari	diperhati	dipantau
ii	termiskin sekali	termiskin / miskin sekali	duit	kos / perbelanjaan
iii	saling hormat-menghormati	saling menghormati / hormat-menghormati	dijana	dilahirkan / dibentuk / diwujudkan

[Maksimum : 6 markah]

3(e) **Peribahasa**

- (i) Di mana bumi dipijak, *di situ langit dijunjung*
 (ii) Malu berkayuh perahu hanyut, *malu bertanya sesat jalan*
 (iii) Ular menyusur akar *tidak akan / takkan hilang bisanya*

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4 : Novel
Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
iii) Beri 1 markah bagi setiap nilai pengorbanan.
iv) Beri 1 markah bagi setiap huraian yang jelas dan lengkap.
v) Markah isi maksimum 4 markah.
vi) Markah bahasa maksimum ialah 3 markah.
vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 3 markah
Sederhana : 2 markah
Lemah : 1 markah
viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
iii) Beri 1 markah untuk pernyataan latar tempat bagi setiap novel.
iv) Beri dua markah untuk setiap huraian/ccontoh yang lengkap/jelas bagi setiap novel.
v) Markah isi maksimum 6 markah. (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa .
ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 4 (a) – Dua nilai pengorbanan

Novel Azfa Hanani	Novel Kembara Amira
<p>1. Pengorbanan untuk membantu memulihkan tekanan perasaan seorang ibu. Contoh : Azfa Hanani sanggup berkorban melakukan penyamaran untuk membantu mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh Datin Maziah.</p>	<p>1. Berkorban untuk menyelamatkan rakan yang hilang. Contoh : Amira sanggup mengorbankan nyawanya dalam usaha menjejaki Malique yang hilang.</p>
<p>2. Berkorban untuk berjaya dalam pelajaran. Contoh : Azfa Hanani berkorban masa dan tenaga untuk mendapatkan kejayaan dalam pelajarannya. Dia sanggup berulang-alik ke sekolah sejauh 30 km.</p>	<p>2. Berkorban demi kesejahteraan sebuah keluarga. Contoh : Ludin sanggup berkorban dengan menjaga dan membesarkan Itai setelah Jeniffer meninggalkan Tau.</p>
<p>3. Berkorban kepentingan diri demi menjaga nama baik sekolah. Contoh : Azfa Hanani sanggup berkorban untuk mengambil tanggungjawab sebagai Pengerusi Forum.</p>	<p>3. Berkorban demi mematuhi adat dan peraturan Orang Asli. Contoh : Itai sanggup menerima hukuman akibat perbuatannya membawa Amira ke sebatang sungai bagi mencari emas.</p>
<p>4. Berkorban untuk menjaga dan membesarkan anak saudara. Contoh : Pak long dan mak long sanggup berkorban demi menjaga dan membesarkan Azfa Hanani yang telah kehilangan kedua-dua ibu bapanya.</p>	<p>4. Pengorbanan dalam menempuh ranjau kehidupan. Contoh : Amira sanggup menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan ketika berada di Bukit Mat Raya.</p>
<p>5. Berkorban untuk memulihkan tekanan perasaan seorang ibu. Contoh : Abang Mazran sanggup berkorban masa dan tenaga mencari pengganti adiknya (Tengku Murni) demi memastikan ibunya dapat menjalani kehidupan dengan tenang. Kak Shafinaz sanggup berkorban dengan melepaskan jawatannya semata-mata untuk menjaga ibu mentua yang mengalami tekanan perasaan.</p>	<p>5. Pengorbanan demi melestarikan ketamadunan manusia. Contoh : Prof. Zaidah sanggup berkorban demi menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan ketika menjalankan kajian lapangan di Desa Karpus.</p>

Soalan 4 (b) – Latar Tempat

Novel Azfa Hanani	Novel Kembara Amira
1. Rumah pak long Contoh : Tempat Azfa Hanani dan anak-anak pak long dan mak long dibesarkan.	1. Koc kereta api Contoh : Amira ternampak seorang lelaki berkulit putih di dalam koc yang sama.
2. Rumah Datin Maziah Contoh : Azfa Hanani melakukan penyamaran sebagai Tengku Murni untuk memulihkan Datin Maziah yang mengalami tekanan perasaan.	2. Kampung Orang Asli Contoh : Masyarakat Orang Asli menghukum Itai atas kesalahan membawa Amira ke sebatang sungai untuk mencari emas.
3. Pusat Lingua Franca Contoh : Tempat Azfa Hanani belajar Bahasa Jepun dan Bahasa Inggeris untuk memastikan penyamarannya berjaya.	3. Puncak/Hutan Bukit Mat Raya Contoh : Itai mengajak Amira meredah hutan Mat Raya untuk mencari hadiah buat Jacinta.
4. Sekolah Menengah Sri Dian Contoh : Sekolah pertama Azfa Hanani sebelum berhijrah ke bandar.	4. Air Terjun Angin Contoh : Amira dan Jacinta menunggu Malique di air terjun tersebut.
5. Sekolah Menengah Taman Sari Contoh : Sekolah menengah keduanya setelah Azfa Hanani berpindah ke bandar.	5. Gunung Gua Gajah Contoh : Tempat Malique disembunyikan oleh makhluk berbulu.
6. Makmal Kimia Contoh : Azfa Hanani berasa bimbang tentang tindakannya mencuri buku di perpustakaan sekolahnya.	6. Desa Karpus Contoh : Tempat Prof. Zaidah dan pelajar-pelajar melakukan kerja cari gali.
7. Bilik Pengetua Contoh : Azfa Hanani bertemu dengan Kak Syafinaz dan Abang Mazran buat pertama kali	7. Stesen kereta api Dahan Hijau Contoh : Amira mengerjakan qada solat subuh.
8. Hotel Universe Contoh : Azfa Hanani diberi tunjuk ajar tentang perilaku Tengku Murni oleh Kak Finaz.	8. Bukit Kerengga Contoh : Sebuah bukit curam yang hanya boleh didaki oleh pacuan empat roda. Roslan memandu pacuan empat roda mendaki Bukit Kerengga dengan membawa John O'Hara.
9. Kedai burger Ekran Contoh : Kedai burger Ekran telah dibakar oleh Tengku Muzaffar yang menghalang hubungan Ekran dengan Azfa Hanani.	9. Bilik asrama sekolah swasta di Pulau Pinang Contoh : Amira cuba menarik perhatian Jacinta supaya bersetuju menyertainya ke Desa Karpus pada waktu cuti persekolahan nanti.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT